



SALAH sebuah premis di pusat beli-belah di Kuala Lumpur yang menjual peralatan dan ubatan seks secara terbuka kepada orang ramai.

Kedai seks budak sekolah

Ubatan dan gajet seks dijual secara terbuka kepada umum

KALANGAN penjual peralatan dan ubatan seks yang sebelum ini hanya beroperasi di kaki-kaki lima, kini beralih pula ke pusat-pusat beli-belah utama bagi mengaburi pihak berkuasa.

Malah mereka bertindak lebih berani dengan menjual barang-barang tersebut tanpa lesen dan terbuka untuk semua lapisan masyarakat termasuk kepada pelajar sekolah.

Presiden Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN), Prof. Madya Datuk Dr. Mohamad Ali Hassan yang bimbang dengan gejala itu menggesa kerajaan supaya segera bertindak menutup kedai-kedai tersebut bagi mengelak budaya seks bebas menular di dalam masyarakat.



SEORANG remaja berpakaian seragam sekolah turut mengunjungi salah sebuah kedai seks di Kuala Lumpur semalam.

Pil boleh sebabkan mati mengejut

Kosmo 09/05/2000 M/S 3

KUALA LUMPUR - Produk seks sama ada berbentuk cecair atau pil yang diimport dari luar negara jika digunakan secara kerap boleh mendorong seseorang yang menggunakannya mati secara mengejut.

Ketua Unit Toksikologi Klinikal, Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia, Dr. Mohd. Sukri Hassan berkata, ubatan seumpama itu yang lazimnya tiada jaminan keselamatan mengandungi sejenis bahan kimia dikenali sebagai *analog sildenafil*.

"Bahan ini sangat bahaya, boleh mengundang kepada kematian mengejut terutama pesakit jantung tanpa sebarang isyarat.

"Berdasarkan pengalaman dan ujian klinikal yang kami jalankan, majoriti produk luar tidak kira dari mana se-



SEORANG pelanggan asyik memilih produk seks yang terdapat di sebuah premis di Kuala Lumpur semalam.

kali pun terutama dari China dan Mongolia, tahap keselamatannya sangat diragui kerana kita tidak tahu bagaim-

ana ia diproses," katanya.

Sementara itu, bagi peralatan-peralatan seks pula, Pakar Seksual Reproduksi-

dan Perempuan Hospital Damai Servis, Dr. Mohd. Ismail Thamby memberitahu, kebanyakannya tidak mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan untuk dijual di pasaran.

Beliau yang berpengalaman luas dalam hal sakit puan mendakwa, lambakan alatan seks di negara ini mungkin didapati melalui pasaran gelap.

Mengenai implikasi penggunaannya, Ismail berkata, ia berupaya merosakkan urat-urat saraf di bahagian alat sulit selain merangsang jangkitan kuman.

"Bagi mereka yang mahu membeli alatan seks terutama jenis 'bergetar', ia perlu mendapatkan nasihat doktor kerana kita perlu lihat sejauh mana seseorang memerlukan alat bantuan seks," katanya.